

ISTITĀ'AH DALAM IBADAH HAJI: ANALISIS TERHADAP SISTEM PENGILIRAN HAJI MALAYSIA

Istitā'ah in Hajj:

An Analysis on Malaysian Hajj Queuing System

Sa'adan Man*

Syed Mohd Jeffri Syed Jaafar**

Lokman Musa***

ABSTRACT

The issue of Malaysian Hajj pilgrims facing excessively long waiting periods for their turn has been a topic of frequent discussion among various stakeholders. Individuals who registered for Hajj in 2023 are estimated to wait approximately 148 years to perform the pilgrimage. Although the actual waiting period may be shorter than this estimate, it highlights significant

* Associate Professor, Department of Fiqh and Usul, Academy of Islamic Studies, University of Malaya, 50603 Kuala Lumpur. (Corresponding Author) saadan@um.edu.my

** Senior Lecturer, Department of Fiqh and Usul, Academy of Islamic Studies, University of Malaya, 50603 Kuala Lumpur. syedjeffri89@um.edu.my

*** Postgraduate Student, Department of Fiqh and Usul, Academy of Islamic Studies, University of Malaya, 50603 Kuala Lumpur. a_miey00@yahoo.com

weaknesses in the current queuing system. The existing system, introduced by Tabung Haji Malaysia (TH) in 1995, operates on a first-come, first-served basis. This method has been widely criticized for not aligning with the actual prerequisites for Hajj obligations. It includes individuals who do not yet meet the conditions of obligation, such as children and those lacking financial capability, in the queue. Conversely, those who fulfil the conditions of obligation and financial capability are not prioritized and must endure an extended waiting period. This paper aims to analyse this issue and propose several recommendations to improve the queuing system. The study employs qualitative methods and field data, which are analysed using critical, deductive, and inductive analysis techniques. The findings indicate that the current Hajj queuing system used by TH requires a thorough review, as it does not meet at least two essential Hajj conditions: being of legal age (mukallaḥ) and possessing financial capability (istiṭā'ah māliyyah), for many of the registrants in the queue. This paper will suggest several improvement methods to enhance the efficiency of the Hajj queuing system and ensure it adheres to the criteria established by Islamic law.

Keywords: *Istiṭā'ah ,hajj queuing system, Tabung Haji Malaysia (TH), taklif*

PENDAHULUAN

Ibadah haji merupakan salah satu dari rukun Islam yang lima dan mula diwajibkan pada tahun ke-9H. Antara syarat wajib haji ialah Islam, baligh, berakal, merdeka dan berkemampuan. Firman Allah SWT:

وَلِلّٰهِ عَلَى النَّاسِ حِجُّ الْبَيْتِ مَنِ اسْتَطَاعَ اِلَيْهِ سَبِيْلًا ۗ وَمَنْ كَفَرَ
فَاِنَّ اللّٰهَ غَنِيٌّ عَنِ الْعٰلَمِيْنَ

Terjemahan:

“Dan (di antara) kewajiban manusia terhadap Allah adalah melaksanakan ibadah haji ke Baitullah, iaitu bagi orang-orang yang mampu dan berkuasa sampai kepadanya. Barangsiapa mengingkari (kewajiban) haji, maka ketahuilah bahwa Allah Maha Kaya (tidak memerlukan sesuatu) dari seluruh alam.

(Surah Ali Imran :97)

Ayat di atas meletakkan satu syarat utama dalam menunaikan ibadah haji, iaitu *istiṭā'ah* atau kemampuan. Jika seseorang individu Muslim itu mencapai syarat *istita'ah*, maka wajib bagi seseorang individu itu untuk menunaikan haji. Para fuqaha menjelaskan bahawa *istiṭā'ah* merangkumi tiga aspek.¹ Pertama ialah *istiṭā'ah māliyyah*, iaitu kemampuan dari segi kewangan. Kedua, *istiṭā'ah badaniyyah*, iaitu kemampuan dari segi kesihatan dan fizikal. Ketiga, *istiṭā'ah amniyyah* iaitu kemampuan keselamatan diri termasuk mempunyai pengangkutan yang bersesuaian.

Dalam konteks masa kini, termasuk dalam syarat *istiṭā'ah* ialah ialah mendapat kebenaran pemerintah melalui melalui sistem kuota haji.² Namun demikian, jika seseorang Muslim itu tidak mempunyai salah satu dari tiga aspek *istiṭā'ah* tersebut seperti tiada kemampuan dari segi kewangan, atau mempunyai masalah kesihatan yang serius seperti sakit yang tiada harapan sembuh, atau tidak memperolehi kebenaran atau visa disebabkan belum sampai giliran yang ditetapkan oleh pihak berkuasa pada tahun berkenaan, maka mereka tidak ditaklifkan untuk melaksanakan ibadah haji. Bagaimanapun pentaklifan ini hanya gugur secara sementara (*mu'qqat*) dan bersyarat, tetapi kekal sebagai rukun Islam yang ditaklifkan kepada semua umat Islam. Usaha ke arah melengkapkan syarat *istiṭā'ah* masih perlu

¹ Wahbah al-Zuhayli, *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuhu*, (Damsyiq: Dār al-Fikr, 1989) vol 3, 25.

² Resolusi Muzakarah Haji Peringkat Kebangsaan ke 26, dipetik dari Jamalluddin Hashim *Fiqh Haji Kontemporari*, (Bangi: Darul Syakir Ent. 2023), 47.

dilakukan oleh setiap individu Muslim dan pemerintah dalam kapasitas masing-masing.

KONSEP *ISTIṬĀ'AH*

Syarat *istiṭā'ah* dalam ibadah haji telah dibincangkan dengan panjang lebar oleh para fuqaha silam dan semasa. Dalam perbahasan fuqaha empat mazhab, pembahagian *istita'ah* boleh dirumuskan sebagaimana dalam jadual berikut:

Jadual 1: Konsep *Istiṭā'ah* dalam Ibadah Haji Mengikut
Pandangan Empat Mazhab

Mazhab	Konsep <i>Istiṭā'ah</i>
Hanafi	Kesihatan fizikal Kewangan Keselamatan dalam perjalanan
Maliki	Kesihatan badan Bekalan yang mencukupi Keselamatan dalam perjalanan
Syafi'i	Kesihatan yang baik Kenderaan (Pergi / Balik) Kewangan yang mencukupi Bekalan termasuk diri sendiri dan binatang tunggangan Keselamatan dalam perjalanan Mahram
Hambali	Mempunyai masa untuk menunaikan haji Bekalan yang mencukupi Kenderaan menuju ke Mekah

Sumber: al-Zuhayli³

Jadual 1 menunjukkan konsep *istiṭā'ah* dalam ibadah haji mengikut pandangan empat mazhab. Walaupun terdapat beberapa perbezaan dalam kalangan empat mazhab tentang konsep *istiṭā'ah*, namun kepentingannya sebagai syarat wajib haji perlu difahami dengan teliti kerana ia merupakan isu asas yang sering dibahaskan oleh pelbagai pihak.

Selain konsep *istiṭā'ah* seperti yang telah diperincikan oleh fuqaha terdahulu, terdapat beberapa aspek *istiṭā'ah* lain yang diletakkan oleh fuqaha semasa bagi bakal haji yang menjadi

³ Wahbah al-Zuhayli *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuhu*, vol 3, 25-35.

keperluan mengikut realiti dan situasi semasa. Ini termasuk sistem kuota dan undang-undang kewangan untuk keluar masuk sesebuah negara.⁴ Ini dianggap sebagai satu ketetapan atau syarat baharu untuk menunaikan ibadah haji supaya ibadah tersebut dapat dilaksanakan dengan lebih baik dan teratur. Aspek *istiṭā'ah* yang akan disentuh dalam kertas ini ialah berkaitan kuota haji yang ditetapkan oleh pihak berkuasa atau kerajaan.

ISTIṬĀ'AH DAN SISTEM KUOTA HAJI

Istilah “kuota” (*quota*) yang berasal dari bahasa Latin, bermaksud bilangan maksimum sesuatu yang diperuntukkan, dibenarkan atau ditetapkan.⁵ Manakala dalam bahasa Arab pula disebut *taḥdīd* yang bermaksud penetapan.⁶ Had atau penetapan dalam konteks pengurusan jemaah haji bermaksud menghadkan bilangan jemaah haji dalam jumlah tertentu. Kuota haji merujuk kepada jumlah tertentu jemaah haji untuk setiap negara yang diberikan oleh kerajaan Arab Saudi berdasarkan keputusan pembatasan jumlah keluar masuknya jemaah haji bagi suatu negara berdasarkan resolusi persidangan Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) pada 1988.⁷

Penetapan kuota bagi jemaah haji adalah berdasarkan kepada *maqāṣid al-sharī'ah* yang melihat kepada masalah-masalah dalam menentukan perjalanan haji supaya lebih teratur dan selamat. Penentuan kuota haji dalam kaedah usul fiqh iaitu *maṣlahah mursalah* telah diambil kira kerana menjaga masalah beberapa pihak termasuk jemaah haji dan pihak kerajaan Arab Saudi sebagai tuan rumah yang akan menguruskan jemaah haji

⁴ Jamalluddin Hashim, *Fiqh Haji Kontemporari*, 47.

⁵ Entri Kuota, Kamus Dewan, ed. Ke-4 (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 2010), 853, entri “kuota”

⁶ *Mu'jam al-'Arabī al-Asāsī* (Kaherah: al-Mamzomah al-Arabiah Li Tarbiah wa Thaqofah Wa- Ulum, 1999), 297

⁷ Tabung Haji, Kuota Haji:

<https://www.tabunghaji.gov.my/en/haji/general-info/haji-quota> 26 Jan. 2024. Lihat juga, Fadhillah Ilham Mulkin, La Ode Angga, & Sabri Fataruba, Kajian Hukum Islam Terhadap Kebijakan Pemerintah Atas Kuota Lebih Kepada Jemaah Haji. *Jurnal Ilmu Hukum*, vo 11, 7(2021), 714.

supaya perjalanan haji selesai dan selamat. Masalah ini telah diterima oleh para ulama sebagai satu dalil untuk dijadikan hujah tentang kepentingan bagi memastikan masalah jemaah haji itu terjaga.⁸

Terdapat beberapa pandangan ulama kontemporari dalam menentukan hukum sama ada dibolehkan had atau tidak boleh hadkan bilangan jemaah haji dalam satu-satu musim haji. Pandangan yang mengharuskan bilangan jemaah haji dihadkan, antaranya Dr. Yusuf al-Qardawi, Syeikh Hamid Abdullah al- 'Ali, Syeikh 'Atiyah Saqar, dan Lajnah al-Fatwa al-Kuwaitiyyah. Manakala Dr. Amir Abdul Aziz berpendapat bilangan jemaah haji tidak boleh dihadkan.⁹

Dalam konteks semasa, kuota rasmi haji negara-negara dalam pertubuhan negara-negara Islam (Organisation of Islamic Cooperation – OIC) termasuk Malaysia adalah berpandukan kepada Mesyuarat OIC pada tahun 1988 di Amman, Jordan. Pihak kerajaan Arab Saudi telah menetapkan kuota haji setiap negara pada kadar 0.1% daripada jumlah penduduk negara berkenaan. Kuota rasmi haji Malaysia pada ketika ini ialah sebanyak 31,600 orang dan angka ini berasaskan perangkaan jumlah penduduk Malaysia sehingga kini.¹⁰

Dengan adanya kuota haji, maka tidak semua calon jemaah haji yang berdaftar dapat menunaikan ibadah haji pada tahun semasa. Hanya mereka yang sampai giliran akan dimasukkan ke dalam kuota tahunan. Mereka yang belum sampai giliran perlu menunggu pada tahun-tahun berikutnya untuk dimasukkan ke dalam kuota tahunan. Perkara ini bukan sahaja berlaku di Malaysia, namun ia merupakan satu isu sejagat yang dihadapi oleh jemaah haji negara majoriti Muslim seperti

⁸ Al-Qaradaghi, 'Ali Muhyi al-Din, *Fatwā bi jawāz taḥdīd 'adad al-ḥujjā*, lihat <https://www.iuonline.org/ar/ContentDetails.aspx?ID=35516> diakses pada 26 Jan 2024

⁹ Yusuf Abdul Rahim Salim Salamah, *Aḥkām al- Istiṭā'ah Fī al-Ḥajj Fī Daw' al-Mustajaddāt al-Mu'āṣirah*. (PhD thesis, Jāmi'ah al-Najāḥ al-Waṭaniyyah, Nablus, t.p, 2003), 175.

¹⁰ Tabung Haji, Kuota Haji: <https://www.tabunghaji.gov.my/en/haji/general-info/haji-quota> 26 Jan. 2024.

Indonesia, Pakistan dan Malaysia. Ini kerana jumlah yang menunggu giliran haji terlalu besar berbanding kuota yang dibenarkan. Di Indonesia misalnya, kuota haji adalah dalam julat 100,000 hingga 200,000 orang berbanding 2 juta orang yang berdaftar. Ini menyebabkan tempoh menunggu giliran ialah dari 10 hingga 40 tahun, bergantung kepada kuota yang diberikan di setiap daerah.¹¹ Di Malaysia keadaan yang sama juga berlaku, malah tempoh menunggu adalah lebih lama memandangkan sistem pendaftaran dan penggiliran yang berbeza sebagaimana yang akan dijelaskan pada huraian seterusnya.

Di Malaysia, sistem kuota ini sebagaimana yang telah dijelaskan, telah menjadi salah satu syarat *istiṭā'ah* dalam melaksanakan ibadah haji. Ini selaras dengan Resolusi Muzakarah Haji Peringkat Kebangsaan kali ke-26 Musim Haji 1432H/2011 memutuskan bahawa:¹²

- i. Berdasarkan *fiqh awlawīyāt*, demi meraikan peruntukan kuota hendaklah memberikan keutamaan kepada orang yang belum pernah mengerjakan haji.
- ii. Mendapatkan kuota haji dikira sebagai syarat *istiṭā'ah*.

Resolusi ini jelas menggambarkan bahawa kuota haji kini menjadi syarat *istiṭā'ah* yang perlu diambil kira sebagai syarat penting dalam ibadat haji. Bagi mereka yang terpilih dalam kuota ini, visa haji (*ta'shīrāt al-ḥajj* atau *taṣrīḥ al-ḥajj* – permit haji) akan dikeluarkan kepada mereka bagi mengesahkan kedudukan mereka dalam kuota yang diperuntukkan dan seterusnya diberikan kebenaran rasmi oleh pihak kerajaan Arab Saudi untuk mengerjakan haji. Visa haji berasaskan bilangan kuota ini diberikan khas oleh kerajaan Arab Saudi kepada kerajaan Malaysia melalui Tabung Haji Malaysia (TH). Sebagaimana sedia maklum, TH merupakan satu-satunya pihak berautoriti yang

¹¹ Huda, Q., & Haeba, I. D. Haji, Istita'ah, and Waiting List Regulation in Indonesia. *al-Adālah*, 18, 2(2021), 193-212.

¹² Tabung Haji, *Resolusi Muzakarah Haji Peringkat Kebangsaan Ke-26 Musim Haji 1432/2011* (Kuala Lumpur: Bahagian Bimbingan Tabung Haji, 2011), 41.

dilantik oleh kerajaan Malaysia untuk melaksanakan pengurusan dan operasi haji bagi jemaah haji Malaysia.

Pemberian visa haji berdasarkan sistem kuota menurut kajian Eman Salem Gaboos¹³ adalah selari dengan beberapa kaedah fiqh sebagaimana berikut:

i. المشقة تجلب التيسير – kesukaran mendatangkan kesenangan.

Hal ini menunjukkan dengan pensyaran *taṣrīh* atau kebenaran dapat mengelakkan kesesakan dan kerosakan apabila tidak terkawal dan dapat membantu jemaah haji melaksanakan ibadah mereka dengan mudah dan senang.

ii. درء المفسد أولى من جلب المصالح - menolak kerosakan diutamakan dari mendatangkan kebaikan.

Kesesakan jemaah haji di *mashā'ir* sangat berisiko mengakibatkan pelbagai masalah dan kemudaratan kepada jiwa dan harta. Dengan ada ketetapan *taṣrīh* dapat menghindarkan dari berlakunya perkara yang tidak diinginkan.

iii. تصرف الإمام على الرعية منوط بالمصلحة - tindakan pemerintah terhadap rakyat terikat dengan *maṣlahah*.

Mengenakan syarat kuota dari pemerintah adalah perkara yang telah dipertimbangkan dengan sewajarnya bertujuan mengelak kemudaratan kepada awam. Oleh itu, kewajipan mematuhi syarat visa atau kebenaran yang ditetapkan pemerintah tersebut adalah bertetapan dengan firman Allah SWT dalam surah al-Nisa' ayat 59 tentang kewajipan mentaati Ulil Amri.

¹³ Eman Salem Gaboos, al-Istiḥsān al-Uṣūlī wa Atharuhu fi Nāzilah al-Taṣrīh bi al-Ḥajj wa al-'Umrah, *Majallah Kulliyat al-Syari'ah wa al-Qanun Tanta* vol. 34, 3 (2019), 349-350.

SISTEM KUOTA DAN PENGGILIRAN HAJI

Sebagaimana yang dijelaskan sebelum ini, sistem penggiliran haji dilaksanakan oleh TH kerana jumlah jemaah haji yang dibenarkan adalah tertakluk kepada kuota yang diperuntukkan oleh Arab Saudi kepada Malaysia. Arab Saudi mengenakan sistem kuota sejak sekian lama bagi mengawal jumlah jemaah haji yang jika melebihi had yang bersesuaian boleh menyebabkan pelbagai masalah ekoran isu logistik, penempatan, kesukaran mengawal jemaah jika terlalu ramai dan isu-isu terkait seumpamanya. Mulai 1988 Arab Saudi menetapkan kuota haji bagi setiap negara OIC ialah 0.1% dari populasi semasa. Bagi Malaysia, pada asasnya kuota ini bersamaan lebih kurang 30,000 orang jemaah bagi setiap tahun (31,600 bagi tahun 2024). Ini adalah kuota asas tidak termasuk petugas haji dari pelbagai agensi yang terlibat. Ia juga belum termasuk kuota tambahan dan jemaah haji pemegang visa furada atau *mujāmalah* yang biasanya diberikan pada saat akhir dan tertakluk kepada budi bicara pihak Arab Saudi. Justeru, TH mengadakan dasar penggiliran bagi memenuhi limitasi kuota yang ditetapkan.

Dalam merealisasikan penggiliran ini, TH melaksanakan sistem pendaftaran haji terbuka berasaskan kepada kaedah sesiapa yang mendaftar dahulu akan didahulukan (*first come first served*), dengan maksud bahawa sesiapa yang mendaftar dahulu akan diberikan giliran mengerjakan haji terlebih dahulu. Sistem giliran yang mula terpakai sejak 1995 ini menetapkan bahawa semua pendeposit TH boleh mendaftar haji dengan minimum simpanan RM1300 bagi mendapatkan giliran. Difahami bahawa jumlah jemaah haji semasa yang telah mendaftar haji dan diberikan tahun giliran ialah lebih kurang 3.8 juta orang.¹⁴

SISTEM PENGGILIRAN: ISU DAN PERMASALAHAN

Sistem giliran secara terbuka ini secara umumnya kelihatan mudah difahami dan munasabah, namun jika diteliti ada beberapa kelemahan:

¹⁴ Siaran Media TH 13 Oktober 2022,
<https://www.tabunghaji.gov.my/en/press-release/thu-10132022-1200/sistem-pendaftaran-dan-giliran-haji>

Pertama:

Antara kelemahan yang paling ketara ialah ia tidak membezakan antara mereka yang telah memenuhi syarat wajib haji atau tidak. Seseorang yang belum mukallaf (baligh dan berakal), sebagai contoh, bayi yang baru lahir yang didaftarkan haji oleh ibubapanya akan dimasukkan dalam giliran berkenaan walaupun dia belum cukup syarat dan bukan mukallaf. Tiada syarat baligh dikenakan oleh TH untuk mendaftar haji, sedangkan kanak-kanak belum baligh dan belum berakal, iaitu belum ada *taklif shar'ī* dan tidak memenuhi syarat *istiṭā'ah* jika didaftarkan oleh ibu bapanya atau penjaganya akan diberikan giliran mengerjakan haji. Ia jelas tidak menepati ruh syariat Islam yang menetapkan kewajipan haji bagi mereka memenuhi syarat wajib. Walaupun secara jangkaannya bayi atau kanak-kanak tersebut akan memenuhi syarat pada tahun gilirannya, memasukkannya pada ketika belum memenuhi syarat dalam sistem penggiliran akan mengambil hak orang lain yang telah memenuhi semua syarat walaupun seseorang itu lewat mendaftar.

Kelewatan mendaftar haji bagi seseorang yang telah memenuh segala syarat wajib termasuk *istiṭā'ah* tidak wajar dijadikan sebab seseorang dilewatkan gilirannya memandangkan telah sampai kepadanya seruan taklif haji dan taklif ini perlu disegerakan. Ini bermakna jika seseorang yang memenuhi syarat wajib haji mendaftar haji di TH, beliau perlu diutamakan dalam penggiliran. Pendaftaran haji sepatutnya mengambilkira perkara ini sebagai faktor utama dalam memberikan tahun giliran kepada mereka. Dasar *first come first served* yang diamalkan oleh TH sepatutnya dibuka kepada mereka yang hanya mencukupi syarat pada saat mereka mendaftar. Dasar ini tidak wajar dibuka kepada semua seperti sekarang kerana ia akan menjejaskan hak dan giliran mereka yang ditaklifkan wajib mengerjakan haji. Dari aspek hukum, hampir semua fuqaha sepakat menyatakan bahawa mereka yang mencukupi syarat wajib haji, mencukupi bekalan dan mempunyai *istiṭā'ah* perlu menyegerakan kewajipan haji. Perkara ini tidak terzahir dalam sistem penggiliran haji yang diamalkan oleh TH kerana memasukkan mereka yang belum ada taklif dalam sistem penggiliran.

Kedua:

Syarat pendaftaran haji dengan jumlah RM1300 bagi mendapatkan giliran haji tidak menggambarkan *istiṭā'ah māliyyah* seseorang. Pendaftaran haji dengan jumlah ini tidak sewajarnya menjadi tiket bagi seseorang untuk mendapat giliran haji secara mudah kerana ia tidak kelihatan sebagai memenuhi kos haji yang jauh lebih besar. Kos sebenar haji sebagaimana yang diumumkan oleh TH bagi tahun 2024 ialah RM33,300. Jumlah ini hanya perlu dibayar oleh jemaah haji dari kalangan T20 dan yang diterima rayuan. Manakala kos haji bagi M40 ialah RM19,152 dan B40 RM12,356.¹⁵ Tidak diketahui dengan jelas apakah asas bagi TH menetapkan jumlah RM1300 sebagai syarat pendaftaran haji bagi mendapatkan giliran.¹⁶ Namun ia boleh dianggap sebagai satu tanda komitmen dari pihak pendeposit untuk terus menyimpan bagi mencukupkan kos mengerjakan haji.¹⁷

Jumlah deposit RM1300 sebagai syarat pendaftaran giliran haji ini adalah kadar lama yang kekal sehingga sekarang. Jika ia dibandingkan dengan kos haji sebenar pada 2019 ialah RM22,900¹⁸ berbanding sekitar RM9,578 pada 2001. Jumlah RM1300 ialah kira-kira 14% dari kos sebenar pada 2001 dan 6% dari kos haji pada 2019. Jika dibandingkan dengan kos pada 2024, RM1300 ini adalah hanya sekitar 4% dari kos sebenar haji. Secara logik pengiraannya, 4% dari kos sebenar adalah sangat jauh dari kemampuan. Justeru, pensyaratan deposit RM1300 untuk melayakkan pendaftaran giliran haji adalah tidak menepati konsep *istiṭā'ah māliyyah* sebenar.

¹⁵ Siaran Media Tabung Haji, 19 Jan 2024 <https://www.tabunghaji.gov.my/ms/berita/jum-01192024-1200/tawaran-haji-mula-keluar-bantuan-naik-kepada-rm350juta>, diakses pada 02 Mac 2024

¹⁶ Soalan berkaitan justifikasi penetapan RM1300 sebagai syarat minimum pendaftaran giliran haji telah diajukan kepada pihak TH tetapi tidak mendapat jawapan yang jelas dari pihak TH. Pegawai Tabung Haji, Temubual bersama pengkaji pada 15 Mac 2022.

¹⁷ Pegawai Tabung Haji, Temubual bersama pengkaji pada 15 Mac 2022.

¹⁸ Kos ini adalah sebenar sebelum diberi Bantuan Kewangan Haji atau “disubsidikan” yang menjadikan kos yang perlu dibayar oleh jemaah haji ialah RM9,980.

Keadaan ini juga membuka kepada manipulasi penggiliran kerana giliran haji diberikan kepada mereka yang belum memiliki *istiṭā'ah māliyyah*. Ini menjadikan penggiliran haji turut diberikan kepada yang belum mampu dari aspek kewangan dalam dasar kuota yang terhad, sedangkan yang benar-benar berkemampuan membayar kos sebenar haji tidak mendapat giliran sewajarnya kerana lewat mendaftar. Sekali lagi hak giliran bakal jemaah haji yang benar-benar berkemampuan telah diambil oleh mereka yang belum ada kemampuan sebenar.

Ketiga:

Isu seterusnya yang berkaitan dengan sistem penggiliran ini juga ialah Bantuan Kewangan Haji Bersasar (HAFIS) atau lebih dikenali dalam masyarakat sebagai “subsidi” yang diberikan oleh pihak TH kepada bakal jemaah haji.¹⁹ Dalam satu kenyataan baru-baru ini, TH menyebut bahawa kos sebenar menunaikan haji pada 2024 ialah RM33,300 seorang. TH telah menetapkan pada musim haji 1445H atau 2024, jemaah muassasah golongan B40 perlu membayar RM12,356,²⁰ M40 pula RM19,152, manakala tiada bantuan kepada T20 dalam erti kata mereka perlu membayar kos penuh iaitu RM33,300. Ini bermakna TH menanggung kos atau memberikan subsidi sebanyak 63% untuk golongan B40 dan 42% bagi M40.²¹ Kos keseluruhan yang ditanggung oleh TH bagi bantuan ini pada 2024 ialah RM350 juta.²²

¹⁹ Bantuan mengikut kumpulan B40 dan M40 ini mula diperkenalkan pada musim haji 2023. Sebelum itu sejak 2009, kos untuk semua jemaah haji muassasah dikekalkan pada kadar RM9,980 seorang. Siaran Media TH, 7 April 2022.

²⁰ Jumlah asal ialah RM13,356.00, tetapi Kerajaan Malaysia turut memberi sumbangan sebanyak RM1000 kepada golongan B40. Siaran akhbar TH pada 19 Januari 2024.

²¹ Siaran Media Tabung Haji, 19 Jan 2024, <https://www.tabunghaji.gov.my/ms/berita/jum-01192024-1200/tawaran-haji-mula-keluar-bantuan-naik-kepada-rm350juta>. diakses pada 10 Mac 2024

²² Siaran Media Tabung Haji, 19 Jan 2024, <https://www.tabunghaji.gov.my/ms/berita/jum-01192024-1200/tawaran-haji-mula-keluar-bantuan-naik-kepada-rm350juta>. diakses pada 10 Mac 2024

Dari aspek *ta'āwun 'alā al-birr*, TH telah melakukan satu usaha yang baik bagi membantu jemaah haji. Namun demikian, jika ditinjau dari aspek *taklīf shar'ī*, ia bukan menjadi tanggungjawab TH bagi membantu jemaah haji menyempurnakan *istiṭā'ah* dari aspek kewangan. Tanggungjawab asal TH ialah menguruskan ibadah haji dari aspek operasional, manakala *istiṭā'ah māliyyah* ialah tanggungjawab individu. Hukum jelas menyatakan tidak wajib haji jika seseorang individu tidak mampu dari aspek kewangan. Jika di ambilkira dari aspek tanggungjawab *istiṭā'ah*, tanggungjawab TH lebih menjurus kepada membantu aspek *istiṭā'ah* terakhir iaitu kebenaran atau kuota. Di sinilah TH perlu lebih memberatkan peranannya dengan memperhalusi, meneliti dan mengadakan sistem penggiliran yang lebih sistematik, adil dan telus bagi memilih jemaah haji yang betul-betul memenuhi syarat dipilih ke dalam kuota yang ditetapkan.

Walaupun TH mempunyai kuasa mengikut Akta Tabung Haji 1995 (Akta 535) untuk mengadakan peraturan-peraturan yang bersesuaian dengan keperluan semasa, namun perkara ini perlu dilihat secara holistik bagi memastikan keadilan kepada semua yang mencukupi syarat wajib haji. Walaupun terdapat pandangan yang menyatakan tidak salah memberi bantuan kewangan haji kepada jemaah yang memerlukan, dan tidak salah jemaah haji menerima bantuan kewangan bagi membolehkannya mengerjakan haji,²³ namun ia bertentangan dengan Resolusi Muzakarah Haji pada tahun-tahun 2005, 2008, 2011, 2016, 2018 dan 2019 yang menegaskan bahawa bagi memenuhi syarat *istiṭā'ah*, jemaah haji bertanggungjawab membiayai perbelanjaan sebenar mengikut kadar semasa yang ditentukan oleh pihak berkuasa.²⁴ Resolusi ini menepati tuntutan syarat *istiṭā'ah māliyyah* yang menjadi asas kewajipan ibadah dan sepatutnya dipatuhi oleh semua pihak.

Ibadat haji adalah isu ibadah yang bersifat individu yang diikat dengan syarat *istiṭā'ah* sesorang. Justeru, sistem penggiliran

²³ Resolusi Muzakarah Haji 2020, seperti dipetik dalam Jamalluddin Hashim, *Fiqh Haji Kontemporari*, 33. Lihat juga Kenyataan CEO TH Tuan Syed Hamadah Syed Othman dalam 60 Minit Bersama TH (Istīṭā'ah) di TV Alhijrah pada 3 Februari 2024.

²⁴ Kenyataan ini tercatat dalam declaration rayuan haji sebelum disubmit ke TH. Lihat juga Jamalluddin Hashim, *Fiqh Haji Kontemporari*, ms 33.

haji sepatutnya mengambil kira kemampuan sebenar setiap individu jemaah haji, kerana memberi bantuan kepada mereka yang belum ada *istiṭā'ah* sebenar akan menafikan hak mereka yang benar-benar berkemampuan.

Keempat:

Di samping permasalahan di atas, sistem kuota melalui pendaftaran giliran secara terbuka ini juga memberi peluang kepada mereka yang telah melaksanakan haji dengan TH untuk mengerjakan haji kali kedua atau lebih. Ini juga dilihat sebagai satu ketidakadilan dalam sistem penggiliran kerana melaksanakan haji kali kedua telah berubah statusnya dari wajib kepada sunat sebagaimana yang dijelaskan dalam sebuah hadis Nabi SAW.²⁵

عن ابن عَبَّاسٍ أَنَّ الْأَقْرَعَ بْنَ حَابِسٍ سَأَلَ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ
وَسَلَّمَ فَقَالَ: يَا رَسُولَ اللَّهِ الْحَجُّ فِي كُلِّ سَنَةٍ أَوْ مَرَّةً وَاحِدَةً؟
قَالَ: بَلْ مَرَّةً وَاحِدَةً، فَمَنْ زَادَ فَهُوَ تَطَوُّعٌ

Terjemahan: “Dari Ibn `Abbas bahawasanya Al-Aqra ` b. Habis bertanya kepada Nabi SAW: “Wahai Rasulullah, (adakah) haji itu (wajib) dilakukan pada setiap tahun atau (wajib) sekali sahaja? Nabi SAW menjawab, “Bahkan hanya sekali sahaja, barangsiapa yang menambah (ulang) maka ia menjadi sunat (tatawwu’).”

Memasukkan mereka dalam sistem penggiliran bersama bakal jemaah haji yang fardu adalah satu ketidakwajaran yang jelas.

Sebelum ini difahamkan TH tidak lagi menawarkan haji kali kedua dan seterusnya sejak musim haji 2019 bagi mengurangkan tempoh menunggu giliran yang mencecah 107 tahun.²⁶ Bagaimanapun TH yang dipetik dalam satu kenyataan

²⁵ Hadis Sahih riwayat Abu Daud dan Ibn Majah. Lihat Sunan Abi Dawud, *Kitab al-Manasik*, hadith no 1721, Vol 11. <https://sunnah.com/abudawud:1721>.

²⁶ Afiezy Azaman, ‘Jemaah yang telah tunai haji, tidak dibenarkan daftar untuk kali kedua – TH’, *Astro Awani*, 5 April 2019. <https://www.astroawani.com/berita-dunia/jemaah-yang-telah-tunai-haji->

pada 2023²⁷ menyebut bahawa jemaah haji yang ditawarkan haji bagi kali kedua dan ke atas perlu membayar kos haji sepenuhnya. Ini bermakna bahawa TH masih menawarkan pelaksanaan haji kali kedua dan lebih kepada jemaah haji yang mendaftar melaluinya walaupun ada tempoh embargo (diwajibkan menunggu) 5 tahun bagi giliran seterusnya. Penawaran kali kedua sebegini dan memasukkan mereka dalam sistem penggiliran jelas menafikan hak mereka yang belum mengerjakan haji kali pertama dan telah lama menunggu. Ketika hampir 4 juta bakal jemaah haji sedang menunggu lama untuk membolehkan mereka menyempurnakan fardu haji, tidaklah adil dan wajar TH masih menawarkan peluang haji sunat kepada mereka yang telah mengerjakannya.

Bagaimanapun, TH baru-baru ini menjelaskan bahawa haji kali kedua melalui TH tidak lagi dibolehkan, namun tidak menafikan masih ada yang mendaftar kali kedua berada dalam sistem giliran.²⁸ Kenyataan itu juga menyebut bahawa TH masih lagi mengekalkan mereka yang mendaftar untuk kali kedua dalam sistem giliran sebelum 2019. Ini bermakna walaupun bilangan mereka mungkin tidak begitu ramai, ia masih boleh dianggap mengambil hak orang lain yang lebih perlu diutamakan iaitu yang masih belum menunaikan haji.

Sewajarnya mereka yang telah selesai menunaikan rukun Islam kelima tersebut, tidak lagi dimasukkan dalam sistem penggiliran kerana ia akan menafikan hak yang telah lama menunggu. Mereka juga boleh menunaikan haji sunat (atau badal haji) melalui agensi lain iaitu Pengelola Jemaah Haji (PJH)

[tidak-dibenarkan-daftar-untuk-kali-kedua-th-203392](#) diakses pada 02 Feb 2024

²⁷ BERNAMA, 'TH masih beri bantuan kewangan secara bersasar kepada jemaah haji Malaysia' *Astro Awani*, 13 Januari 2023. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/th-masih-beri-bantuan-kewangan-secara-bersasar-kepada-jemaah-haji-malaysia-401785> diakses 12 Feb 2024

²⁸ Tuty Haryanti Ahmad Rodzi, 'Tak dibenar daftar haji kali kedua sejak 2019 lagi' *Berita Harian*, 25 Januari 2024. <https://api.bharian.com.my/berita/nasional/2024/01/1204615/tak-dibenar-daftar-haji-kali-kedua-sejak-2019-lagi> diakses 12 Feb 2024

dengan memohon atau menggunakan visa furada tanpa mengganggu penggiliran dan kuota. Dengan kuota yang terhad, TH wajar memberi peluang kepada yang melaksanakan haji fardu sahaja. Oleh kerana terlalu ramai yang menunggu giliran haji fardu, sistem penggiliran wajar diperuntukkan hanya untuk haji fardu, bukan untuk haji sunat.

Kelima:

Sistem pendaftaran terbuka berdasarkan *first come first served* yang dilaksanakan oleh TH juga menyebabkan senarai menunggu menjadi terlalu panjang yang menjadikan tempoh menunggu tidak munasabah dan agak melucukan. Seseorang yang mendaftar haji pada 2023 akan diberikan giliran mengerjakan haji pada 148 tahun²⁹ akan datang iaitu pada tahun 2171. Ini bermakna jika seseorang bakal jemaah haji berumur 30 tahun yang telah memenuhi syarat *istiṭā'ah* mendaftar pada tahun 2023, beliau dijangka akan dapat menunaikan haji ketika umurnya 178 tahun, dan ini sudah tentunya tidak realistik.

Setakat Jun 2023, jumlah bakal jemaah haji yang berada dalam sistem giliran adalah seramai 3.8 juta orang.³⁰ Tempoh menjadi lama dan jumlah ini besar kerana sistem ini memberi ruang kepada mereka yang tidak mempunyai *istita'ah* berada dalam sistem sedangkan mereka belum ditaklifkan dari sudut hukum. Menempatkan mereka berada bersama bakal jemaah yang sudah mempunyai *istiṭā'ah* adalah tidak menepati prinsip keadilan dalam Islam iaitu meletakkan sesuatu pada tempatnya.

Sistem giliran ini telah sekian lama dikritik dan dijadikan bahan jenaka dalam kalangan sebahagian masyarakat. Walaupun tempoh menunggu sebenar mungkin tiba lebih awal atas pelbagai faktor seperti penangguhan, penolakan, kematian dan seumpamanya, pemberian tempoh menunggu yang sangat lama

²⁹ BERNAMA, 'Giliran haji kini cecah 148 tahun', *Astro Awani*. 14 Jun 2023, <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/giliran-haji-kini-cecah-148-tahun-423885> diakses 15 Feb 2024

³⁰ BERNAMA, 'Giliran haji kini cecah 148 tahun', *Astro Awani*. 14 Jun 2023, <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/giliran-haji-kini-cecah-148-tahun-423885> diakses 15 Feb 2024

masih tidak munasabah. TH sebagai entiti hebat tidak sepatutnya membiarkan sistem giliran ini menjejaskan imej di mata masyarakat nasional atau global. Sistem terbuka ini perlu dinilai semula supaya lebih relevan dan munasabah. TH perlu mengambil inisiatif melakukan rombakan besar-besaran dengan mengambil kira faktor *istiṭā'ah* sebenar yang dimiliki oleh bakal jemaah haji supaya sistem giliran dilihat lebih efisien dan munasabah.

Berdasarkan premis di atas, dapatlah dirumuskan bahawa sistem penggiliran sedia ada tidak begitu menepati ruh syariat Islam dalam ibadah haji terutamanya dari aspek *istiṭā'ah māliyyah* bakal jemaah haji. Ibadah haji dibina atas syarat *istiṭā'ah* dan ia mestilah terzahir dalam sistem penggiliran sedia ada. Sudah tibalah masanya TH melakukan penilaian semula terhadap sistem penggiliran yang ada. TH perlu berani melakukan rombakan berskala besar terhadap sistem ini kerana ia adalah sangat penting dalam konteks memberikan hak kepada mereka yang layak.

SARANAN PENAMBAHBAIKAN SISTEM PENGGILIRAN HAJI

Berdasarkan fakta dan analisis di atas, dirumuskan beberapa cadangan untuk perhatian dan pertimbangan TH;

Pertama:

Sistem penggiliran haji sedia ada dirombak dan diperbaharui dengan sistem baharu yang mengambil kira dua kriteria penting iaitu pencapaian umur mukallaf dan kewujudan *istiṭā'ah māliyyah* semasa pendaftaran. Sistem ini memperuntukkan giliran kepada bakal haji yang telah memenuhi syarat wajib iaitu baligh dan mempunyai *istiṭā'ah māliyyah*. Pendaftaran dengan kadar RM1300 sebagaimana sedia ada tidak lagi relevan dan perlu dihapuskan.

Kedua:

Sistem sedia ada iaitu sistem pendaftaran haji terbuka melalui sistem terbuka *first come first served* yang dilaksanakan sejak hampir 30 tahun lalu perlu ditamatkan segera mungkin seawal musim haji 2025 dan digantikan dengan “Sistem Penggiliran Haji Berasaskan *Istiṭā'ah*”. TH dianggarkan mempunyai masa yang

cukup untuk memperbaharui sistem ini berdasarkan pengalaman dan prestasi pengurusan haji TH yang efisien dan cemerlang sebelum ini.

Ketiga:

Bagi mereka yang berada dalam sistem lama dan akan sampai giliran dalam masa lima tahun akan datang, mereka boleh dikekalkan dalam sistem baharu dengan syarat memenuhi syarat wajib haji. Ini sebagai satu pendekatan *soft landing* bagi mengelakkan reaksi negatif dari mereka yang berada hampir dengan giliran. Namun begitu, sistem penggiliran baharu akan menggugurkan mereka yang belum mencapai syarat taklif dan *istiṭā'ah*. Ini lebih menghampiri prinsip keadilan dalam Islam.

Kelima:

Pendaftaran haji hendaklah berdasarkan kewujudan *istiṭā'ah* pada masa didaftarkan. Pendaftaran haji boleh dilakukan secara automatik bagi semua pendeposit (yang belum menunaikan haji) yang berumur 25 tahun ke atas (telah mencapai umur *mukallaf*) dan mempunyai simpanan sekurang-kurangnya 75% dari kos sebenar haji. Asas dua kriteria ini adalah:

i. Umur 25 tahun bagi lelaki diambil kira kerana telah melepasi umur baligh dan usia ini adalah munasabah dari segi uruf untuk menunaikan haji secara berseorangan. Bagi wanita bersama mahram boleh diletakkan usia yang bersesuaian asalkan telah mencapai umur baligh. Penentuan had umur ini masih boleh dirunding berdasarkan kes asalkan telah mencapai umur taklif (*baligh*).

ii. Penentuan minimum deposit 75% atau 2/3 dari kos sebenar haji ialah mengambil kira bahawa bakal jemaah haji berkenaan hampir pasti memenuhi syarat *istiṭā'ah māliyyah* kerana pada kebiasaan urufnya mereka mempunyai simpanan lain yang boleh memenuhi jumlah penuh kos haji bila tiba gilirannya. Ia juga menunjukkan komitmen tingginya untuk melaksanakan haji. Ia boleh diletakkan sebagai *had*

istiṭā'ah bagi ibadah haji. TH wajar memperkenalkan konsep *had istiṭā'ah* kepada masyarakat supaya bakal haji mempunyai kefahaman sebenar tentang *istiṭā'ah*.

iii. TH boleh mewujudkan kategori penggилiran mengikut keutamaan seperti:

- a. Kategori 1: Usia melebihi 60 tahun, mempunyai simpanan 100%.
- b. Kategori 2: Usia melebihi 60 tahun, mempunyai simpanan 75%.
- c. Kategori 3: Usia 25-59 tahun mempunyai simpanan 100%.
- d. Kategori 4: Usia 25-59 tahun mempunyai simpanan 75%.

Keenam:

Pihak TH perlu memansuhkan giliran haji untuk kali kedua kepada mereka yang telah mengerjakan haji kali pertama melalui TH. Oleh kerana kuota amat terhad dan bilangan yang menunggu terlalu ramai, tidak sepatutnya TH memberikan tawaran haji kali kedua kerana ia berstatus sunat. Ini juga bermakna ia menafikan hak orang lain yang belum menunaikan haji fardu. Jika kali kedua diniatkan untuk badal haji sekalipun, perlu ada sistem atau mekanisme khas yang tidak memasukkan mereka bersama dalam sistem penggилiran perdana. Ia boleh dimasukkan dalam kuota budi bicara atau boleh saja dilakukan melalui kategori visa furada.

Ketujuh:

TH boleh mula secara beransur-ansur memansuhkan bantuan HAFIS kepada jemaah haji kerana *istiṭā'ah* kewangan adalah tanggungjawab individu dan bukanlah tanggungjawab TH atau kerajaan. Bantuan HAFIS untuk B40 pada masa tahun 2024 adalah 63% dari kos sebenar (RM20,944 dari RM33,300) dan ini amat tidak munasabah kerana ia melebihi separuh dari kos asal haji. Jika bantuan diberikan sekalipun, jemaah haji mestilah menunjukkan *istiṭā'ah*nya terlebih dahulu dengan menampung 50%-70% dari kos sebenar haji. Sebagai contoh, buat permulaan, golongan B40 perlu menampung 70% dari kos haji manakala 30%

lagi dari bantuan TH. Bantuan bersasar ini boleh diunjurkan untuk ditanamkan dalam masa lima tahun akan datang.

Kelapan:

Untuk tujuan (**keenam**), TH perlu melaksanakan langkah menggerakkan kesedaran awam (*public awareness*) tentang perlunya *istiṭā'ah* dipenuhi oleh bakal jemaah tanpa mengharapkan bantuan. TH boleh memfokuskan kepada peningkatan kualiti pengurusan haji dan pelaburan yang memberikan hibah lebih tinggi kepada pendeposit. Lebih adil TH memberi “bantuan” kepada pendeposit melalui pulangan hibah tahunan yang tinggi yang dapat dinikmati secara adil oleh semua pendeposit daripada memberi bantuan bersasar kepada B40 dan M40 di mana keuntungan TH banyak disalurkan kepada dua golongan ini sahaja. Jika TH masih mahu memberikan bantuan, ia sepatutnya disamaratakan tanpa melihat kepada kategori pendapatan seseorang sebagaimana yang dilakukan sebelum musim haji 2023. Ia lebih adil kerana T20 yang mempunyai deposit yang tinggi lebih banyak menyumbang kepada keuntungan TH.

Mentaliti mengharapkan bantuan kewangan TH atau kerajaan dalam melaksanakan ibadah ialah sesuatu yang tidak diwajibkan oleh ruh syariat Islam. Ibadah tidak wajar disubsidi oleh kerajaan. Perlaksanaan ibadah adalah setakat kemampuan individu³¹ dan Allah tidak memberatkan seseorang melainkan dalam kadar kemampuannya.³²

Walaupun saranan-saranan di atas mungkin kelihatan agak drastik dan “kejam,” seolah-olah “ibadah haji adalah untuk golongan kaya,” namun sebenarnya ia lebih menepati ruh syariat Islam. Ini kerana sifat ibadah haji yang berdiri dengan syarat *istiṭā'ah*. Melengkapkan *istiṭā'ah* kewangan adalah tanggungjawab individu bakal jemaah haji dan ia bukanlah urusan kerajaan. Ibadah adalah taklifan individu, kerajaan hanya memudahkan pengurusan dan operasi sahaja. Minda sebegini perlu diterap dan dibina oleh semua umat Islam.

³¹ Mafhum ayat 16, *Surah al-Taghabun*.

³² Mafhum ayat 286, *Surah al-Baqarah*.

Sebagaimana zakat yang diikat dengan syarat cukup nisab, haji diikat dengan syarat *istiṭā'ah*. Walaupun perbandingan ini mungkin tidak begitu sesuai kerana bentuk ibadah yang agak berbeza, namun sifat dan nilai *māliyyah* yang terikat pada syarat keduanya boleh difikirkan bersama. Tiada sesiapa yang rasa munasabah membantu seseorang untuk mencukupkan nisab zakat jika seseorang hampir memenuhi nisab zakat. Namun persoalannya kenapa untuk ibadat haji, membantu mencukupkan *istiṭā'ah māliyyah* dianggap munasabah walaupun sebenarnya ia adalah tanggungjawab individu berkenaan? Ibadah individu tidak wajar disubsidikan oleh pihak pemerintah.

RUMUSAN

Analisis yang dilakukan melalui kajian ini mendapati bahawa sistem penggiliran haji berdasarkan pendaftaran terbuka yang diamalkan oleh TH sejak 1995 tidak begitu menepati kehendak syarak kerana ia tidak mensyaratkan dua syarat wajib haji yang utama iaitu mukallaf dan mempunyai *istiṭā'ah māliyyah* semasa pendaftaran. Sistem pendaftaran terbuka ini boleh memasukkan kanak-kanak belum baligh dan mereka yang belum mempunyai *istiṭā'ah* kewangan dalam giliran dan ini boleh mengganggu giliran bakal haji sudah memenuhi semua syarat wajib. Ini terbukti apabila tempoh menunggu giliran haji di Malaysia kini bagi mereka yang baru mendaftar melebihi satu abad, iaitu satu tempoh yang tidak munasabah. Terdapat 3.8 juta jemaah haji yang mendaftar haji dan menunggu giliran masing-masing dipanggil dan ini termasuk mereka yang belum memenuhi syarat taklif dan *istiṭā'ah*. Walaupun statistik bilangan golongan yang belum mencukupi syarat wajib ini tidak mereka tidak diperolehi, jumlah mereka dianggarkan sangat ramai dan ini mendatangkan gangguan kepada penggiliran bagi mereka yang memenuhi syarat wajib. Dalam situasi limitasi kuota yang sedikit iaitu 0.01% dari jumlah penduduk, TH wajar menguruskan sistem penggiliran haji dengan lebih baik dan adil untuk semua. TH wajar menilai kembali sistem ini dan isu-isu yang berkait dengannya sebagaimana yang dikemukakan dalam analisis permasalahan di atas. TH wajar mengambil serius isu penggiliran ini kerana ia seringkali menjadi sasaran kritikan masyarakat lantaran terdapat kelompongan dan beberapa isu yang tidak menepati falsafah

istiṭā'ah dalam pelaksanaan ibadah haji. TH disarankan agar membuka pintu perbincangan yang lebih luas untuk mendengar cadangan-cadangan dari masyarakat dalam menambahbaik sistem panggilan sedia ada.

PENGHARGAAN

Artikel ini adalah sebahagian dari hasil kajian di bawah geran penyelidikan UMG011L-2023 bertajuk *Istiṭā'ah* dalam Ibadat Haji di Malaysia: Pelaksanaannya di Tabung Haji (TH).

RUJUKAN

- (t.p) *Mu'jam al-Arabi al-Asasi*, Kaherah: al-Mamzomah al-Arabiah Li Tarbiah wa Thaḳofah Wa- Ulum, 1999.
- Afiezy Azaman, 'Jemaah yang telah tunai haji, tidak dibenarkan daftar untuk kali kedua – TH', Astro Awani, 5 April 2019. <https://www.astroawani.com/berita-dunia/jemaah-yang-telah-tunai-haji-tidak-dibenarkan-daftar-untuk-kali-kedua-th-203392> diakses 02 Feb 2024.
- Al-Jaziri, A., *Fiqh 'Ala al-Madhāhib al-Arba'ah*. Beirut: Dal al-Kutub al-Ilmiyyah, 1990.
- Al-Khazin, A. M., *Tafsīr al-Khāzin, Lubāb al-Ta'wīl fī ma'ānī al-Tanzīl*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyah, 2004.
- Al-Khin, M., al-Bugha, M., & al-Syarbaji, A., *al-Fiqh al-Manhajiy*. Damsyik: Dar al-Qalam, 1996.
- Al-Mas'ud, A. *Badā'i' al-Ṣanā'i' fī Tartīb al-Sharā'i'*, Vol. 3. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, (t.t).
- Al-Nawawi, M., *Ṣaḥīḥ Muslim*. Beirut: Dar al-Ma'rifah, 1998.
- Al-Nawawi, Syiraf, Y., *Kitāb al-Īdāḥ fī Manāsik al-Ḥajj wa al-Umrah*. Makkah: al-Maktabah al-Imdadiyah, 1994.
- Al-Qurtubi, A., *al-Jāmi' li Ahkāmī al-Qur'ān*, Vol. 2. Kaherah: Dar Al-Hadith, 2002.
- Al-Raghib al-Asfihani, A. S., *Mu'jam Mufradāt Alfāz Al-Qur'ān*. Dar al-kutub Al-Ilmiyah, 2008.
- Al-Razi, F., *Tafsīr al-Kabīr wa Mafāṭīḥ al-Ghayb*. Beirut: Dar al-Fikr, 1981.

- Al-Syaddi, ' B., *Maqāṣid al-Ḥajj fī al-Qur'ān al-Karīm*. Riyadh: Dar al-Watan, 2011.
- Al-Syarbini, Muhammad, A., *Mughni al-Muhtāj Ila Ma'rifah Ma'ānī Alfāz al-Minhāj*. Beirut: Dar al-Kutub 'Ilmiah, 2000.
- Al-Tabari, A., *Tafsīr al-Ṭabarī* ,Vol. 7 .Kaherah: Maktabah Ibnu Taimiyah, t.t.
- BERNAMA, 'Giliran haji kini cecah 148 tahun', *Astro Awani*. 14 Jun 2023, <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/giliran-haji-kini-cecah-148-tahun-423885> diakses 15 Feb 2024
- Dewan Bahasa Dan Pustaka. *Kamus Dewan*. Kuala Lumpur: DBP, 2010.
- Eman Salem Gaboos, al-Istiḥsān al-Uṣūlī wa Atharuhu fī Nāzilah al-Taṣrīḥ bi al-Ḥajj wa al-'Umrah , *Majallah Kullīyat al-Syarī'ah wa al-Qānūn Ṭanṭā* , vol. 34 ,3 (2019).
- Fadhillah Ilham Mulkin, La Ode Angga, & Sabri Fataruba, Kajian Hukum Islam Terhadap Kebijakan Pemerintah Atas Kuota Lebih Kepada Jemaah Haji. *Jurnal Ilmu Hukum*, vol. 1, 7(2021). 708-721.
- Huda, Q., & Haeba, I. D., Hajj, Istiqā'ah, and Waiting List Regulation in Indonesia. *Al-'Adalah*, 18, 2 (2021).193-212.
- Ibn Qudamah, & Ahmad, A., *al-Mughnī*. Arab Saudi: Dar 'Alim al-Kutub, 1997.
- Ibn Rusyd, A. M., *Bidāyah al-Mujtahid wa Nihāyah al-Muqtaṣid*. Arab Saudi: Dar al- Hadith, 2004.
- Jamaluddin Hashim., *Fiqh Haji Kontemporari*. Bangi: Darul Syakir Enterprise, 2003.
- Kenyataan CEO TH Tuan Syed Hamadah Syed Othman dalam 60 Minit Bersama TH (Istiqā'ah) di TV Al hijrah 3 Februari 2024.
- Pegawai Tabung Haji,Temubual bersama pengkaji pada 15 Mac 2022.
- Siaran Media Tabung Haji 13 Oktober 2022,
<https://www.tabunghaji.gov.my/en/press-release/thu-10132022-1200/sistem-pendaftaran-dan-giliran-haji>
diakses 05 Jan 2024
- Siaran Media Tabung Haji, 19 Jan 2024,
<https://www.tabunghaji.gov.my/ms/berita/jum->

- 01192024-1200/tawaran-haji-mula-keluar-bantuan-naik-kepada-rm350juta. diakses 10 Mac 2024
- Tabung Haji, *Kekerapan Menunaikan Haji: Satu Analisis, Resolusi Muzakarah Haji Peringkat Kebangsaan Ke-26 Musim Haji 1432/2011*. Kuala Lumpur: Bahagian Bimbingan Tabung Haji, 2011.
- Tabung Haji, Kuota Haji:
<https://www.tabunghaji.gov.my/en/haji/general-info/hajj-quota> 26 Jan 2024, diakses 05 Feb 2024
- Tabung Haji, Menghayati Istiṭā'ah Haji Dalam Menangani Wabak. *Resolusi Muzakarah Haji Peringkat Kebangsaan Ke-37 Musim Haji 1442H/2020M*. Kuala Lumpur: Unit Bimbingan TH, 2020.
- Tuty Haryanti Ahmad Rodzi, 'Tak dibenar daftar haji kali kedua sejak 2019 lagi' *Berita Harian*, 25 Januari 2024. <https://api.bharian.com.my/berita/nasional/2024/01/1204615/tak-dibenar-daftar-haji-kali-kedua-sejak-2019-lagi> 15 Feb 2024.
- Wahbah al-Zuhaili, *al-Tafsīr al-Munīr*. Beirut: Dar al-Fikr, 2003.
- Wahbah al-Zuhaili, *Fiqh al-Islām wa Adillatuhu*. Dar al-Fikr: Damsyik, 2002.
- Yusuf Abdul Rahim Salim Salamah, *Aḥkām al-Istiṭā'ah Fī al-Ḥajj Fī Daw' al-Mustajaddāt al-Mu'āṣirah*. PhD thesis, Jami'ah al-Najah al-Wataniyyah, Nablus, Palestin, 2003.